

# **JAWATANKUASA PERUNDINGAN HUKUM SYARAK NEGERI PAHANG (JPHSNP) DAN PROSES PERWARTAAN FATWA DI NEGERI PAHANG**

Oleh;

Muhamad Miziazam bin Yahya

Fakulti Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang (UMP)

miziazam@gmail.com

*Artikel ini ialah mengenai jawatankuasa fatwa yang bertanggungjawab sebagai pemutus hukum yang mutlak di Negeri Pahang, Jawatankuasa tersebut dikenali sebagai Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Negeri Pahang atau ringkasnya sebagai JPHSNP. Objektif penulisan ini adalah untuk menjelaskan tentang penubuhan, punca kuasa JPHSNP dan proses perwartaan sesuatu fatwa mengikut undang-undang atau enakmen di Negeri Pahang. Justeru dengan menggunakan metodologi kualitatif, kajian keperpustakaan dan pendekatan kajian kes rencana ini digarap mengikut kronologi bagaimana Jawatankuasa ini sebelum tahun 1991 lebih dikenali sebagai Jawatankuasa Syariah yang ditubuhkan di bawah Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP). Dipengerusikan oleh Sahibus Samahah Mufti Negeri dan dianggotai oleh pakar-pakar yang terdiri daripada ulama dan profesional yang berasal dari Negeri Pahang. Di bawah naungan MUIP jawatankuasa ini diberi kuasa untuk memutuskan sebarang hukum (fatwa) yang berkaitan dengan masalah agama di Negeri Pahang. Dari sudut amalannya apabila telah diputuskan oleh jawatankuasa ini, fatwa-fatwa itu kemudiannya, dibawa pula ke dalam mesyuarat penuh Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) yang dipengerusikan oleh Ke Bawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang untuk tujuan pewartaan di Negeri Pahang.*

*Keywords: Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Negeri Pahang (JPHSNP), Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), Fatwa, Warta, Enakmen.*

## **A. PENDAHULUAN**


Semua negeri di Malaysia dari sudut pentabiran agama mempunyai Jawatankuasa fatwa negeri masing-masing. Pelbagai nama telah digunakan oleh negeri-negeri di Malaysia yang merujuk kepada jawatankuasa fatwa. Negeri Kelantan misalnya menggunakan nama Jemaah Ulama, Sarawak pula menggunakan nama Lembaga Fatwa, manakala Perak telah menggunakan nama Jawatankuasa Fatwa. Dalam konteks Negeri Pahang pula Jawatankuasa fatwanya dinamakan sebagai Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Negeri Pahang (JPHSNP). Oleh itu selari dengan tajuk yang ingin diutarakan di dalam penulisan berikutnya dibincangkan mengenai sejarah penubuhan dan punca kuasanya sebagai badan tertinggi mengeluarkan hukum atau fatwa di Negeri Pahang dan tatacara atau proses sesuatu fatwa apabila telah diputuskan hukumnya untuk diwartakan di seluruh Negeri Pahang.

## **B. JAWATANKUASA FATWA DI DALAM ENAKMEN PENTADBIRAN ISLAM NEGERI PAHANG 1982 DAN 1991**

Perbincangan mengenai kewujudan jawatankuasa fatwa di Negeri Pahang dimulakan dengan menghuraikan terlebih dahulu mengenai kewujudan Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam

Melayu Pahang (MUIP) secara ringkas. Ini kerana JPHSNP adalah salah satu daripada jawatankuasa-jawatankuasa tetap Majlis Ugama yang diwujudkan di bawah pentadbiran MUIP<sup>1</sup>. MUIP pula dari segi hieraknya adalah bernaung di bawah kuasa Sultan Pahang selaku Ketua Agama Negeri<sup>2</sup>. Secara mudah untuk difahami adalah jawatankuasa fatwa di Negeri Pahang adalah tertakluk kepada MUIP dan MUIP pula adalah tertakluk kepada Sultan Pahang.

Gambar rajah 1 di bawah menjelaskan tentang hubungkait atau hieraki di antara JPHSNP dengan MUIP dan KDYMM Sultan Pahang sebagai Ketua Agama Negeri.



Gambar rajah 1

Menurut sejarah Majlis ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) ditubuhkan pada tahun 1926 iaitu semasa pemerintahan Sultan Abdullah al Muktasim billah ibni al Marhum Sultan Ahmad al Muazham Shah yang memerintah pada tahun 1917-1932. Yang Dipertua MUIP yang pertama ialah Yang Amat Mulia Tengku Besar Sulaiman ibni al Marhum Sultan Ahmad al Muazham Shah<sup>3</sup>. MUIP pada permulaannya dikenali sebagai Majlis Anggota Islam Pahang. Kemudian pada tahun 1956 diubah kepada nama Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Pahang yang mana Yang Dipertuanya yang pertama ialah Tuan Haji Arshad bin Haji Daud manakala setiausaha kerjanya ialah YM Tengku Zainal Abidin bin Tengku Ab. Majid (jawatan sebenarnya ialah Penolong Setiausaha) Setiausaha yang pertama hanya dilantik pada tahun 1962 iaitu disandang oleh Encik Ab. Rani bin Haji Ab. Latiff<sup>4</sup>, kemudian pada tahun 1982 namanya diubah pula kepada Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) sehinggalah ke hari ini.

<sup>1</sup> [www.muip.gov](http://www.muip.gov). sejarah muip diambil pada 2.Januari 2016

<sup>2</sup> Undang-Undang Tubuh Negeri Pahang

<sup>3</sup> [www.muip.gov](http://www.muip.gov). my. Di ambil pada 2 Januari 2016.

<sup>4</sup> Buku Minit Mesyuarat Majlis Ugama Islam Pahang (Bil. 1-24).

Penubuhan Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) berkait rapat dengan pemerintahan KDYMM Sultan Haji Ahmad Shah sebagai Sultan Pahang yang ke lima. Ini kerana pada 8 Mei 1974 KDYMM Sultan Ahmad Shah telah melantik dirinya sebagai Ketua Agama Negeri Pahang dan dalam masa yang sama telah menubuhkan MUIP dan seterusnya melantik dirinya sendiri sebagai Yang Dipertua MUIP yang pertama. Walau bagaimanapun tatkala baginda melihatkan kepada cabaran yang dihadapi oleh MUIP sedangkan baginda terlalu sibuk dengan urusan pemerintahan lainnya maka pada 1 November 1984 baginda telah berkenan melantik anakandanya sendiri iaitu KDYTM Tengku Mahkota Pahang untuk menyandang jawatan sebagai Yang Dipertua yang baru (kedua) bagi meneruskan survival MUIP agar sentiasa berdaya saing dan kehadapan. Perlantikan ini berterusan sampailah ke hari ini<sup>5</sup>.

Tindakan KDYMM Sultan Pahang Sultan Haji Ahmad Shah yang melantik dirinya sebagai Ketua Agama Islam Negeri serta menubuhkan MUIP itu adalah bertitik tolak daripada punca kuasa yang telah ditetapkan di dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang. Ianya adalah bersumberkan kepada Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang pada Fasal (1) perkara 24 Bahagian 1 yang memperuntukkan sebagaimana berikut;

*“Ketua Ugama Negeri hendaklah Raja Pemerintah dan Raja Pemerintah, dari satu masa ke satu masa, bolehlah mengeluarkan perintah supaya diadakan lagi apa-apa undang-undang sebagaimana yang patut pada timbangan baginda bagi maksud mengatur hal ehwal ugama dan bagi menubuhkan sebuah Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu yang akan digelar dalam bahasa Inggeris “Council Of Religion And Malay Custom” bagi menolong dan menasihatkan Raja Pemerintah dalam semua perkara mengenai Ugama Negeri dan Adat Resam Melayu”*

Berdasarkan klausa di atas, pada era pemerintahan KDYMM Sultan Haji Ahmad Shah ini lah MUIP telah ditubuhkan dan mempunyai fungsi serta peranan yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun artikel Fasal (1) perkara 24 Bahagian 1 tersebut dengan jelas memperlihatkan campurtangan istana secara langsung di dalam perjalanan MUIP. Akan tetapi lazimnya seorang sultan itu akan bertindak berdasarkan nasihat. Justeru secara pentadbiran setiap sultan mempunyai penasihat baginda sendiri. Oleh itu di dalam perkara ini Sultan Haji Ahmad Shah telah menaikan fungsi MUIP sebagai badan penasihat kepadanya di dalam menjalankan urusan agama di Negeri Pahang. Ini dibuktikan dengan adanya klausa yang termaktub di dalam seksyen 5 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 yang menyatakan;

*“(1) Majlis hendaklah membantu dan menasihati KDYMM Sultan berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam dan adat resam Melayu, kecuali perkara yang berkait dengan Hukum Syarak dan yang berhubungan dengan pentadbiran keadilan, setakat yang mengenai Negeri Pahang, dan dalam semua perkara tersebut hendaklah menjadi pihak berkuasa utama dalam Negeri Pahang selepas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini atau mana-mana Enakmen yang berhubungan dengan agama Islam”*

*(2) Pada melaksanakan fungsinya, Majlis hendaklah mempunyai kuasa membincangkan dan menjalankan semua aktiviti berkaitan dengan pembangunan agama Islam dan adat resam Melayu”*

---

<sup>5</sup> [www.muip.gov.my](http://www.muip.gov.my). Sejarah muip. Diambil pada 2 Januari 2016.

Berdasarkan peruntukan-peruntukan undang-undang di atas, MUIP kemudiannya telah menubuhkan Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Negeri Pahang (JPHSNP) yang mulai dikenali secara rasmi pada tahun 1991, sebelumnya Jawatankuasa ini dikenali sebagai Jawatankuasa Syariah yang juga ditubuhkan di bawah bidangkuasa Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) dengan perkenan sultan. Jawatankuasa Syariah diwujudkan secara rasmi pada tahun 1982 apabila Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang diluluskan oleh Dewan Undangan Negari Pahang. Di dalam enakmen ini iaitu pada seksyen 37(1) dinyatakan secara jelas butiran-butiran mengenai Jawatankuasa Syariah;

*Satu Jawatankuasa Syariah bagi Majlis hendaklah diadakan dan ahli-ahlinya hendaklah terdiri daripada*

*(a) Mufti sebagai Pengerusi;*

*(b) tidak lebih dari empat orang ulama dan mereka adalah ahli-ahli Majlis;*

*(c) tidak lebih dari empat orang ulama yang layak untuk tujuan bagi mengeluarkan fatwa tetapi mereka bukan ahli-ahli Majlis.*

Manakala bagi pengeluaran fatwa menurut peruntukan enakmen ini, sebarang pertanyaan secara bersurat mestilah dibuat kepada Yang di-Pertua (Tengku Mahkota) jika ingin bertanyakan sesuatu hukum atau fatwa. Yang di-Pertua kemudiannya meminta Majlis mengeluarkan fatwa di atas apa-apa perkara berkenaan Ugama Islam atau nas. Ini dinyatakan secara terperinci di dalam enakmen tersebut pada seksyen 38(1);

*Sesiapa pun boleh, dengan bersurat kepada Yang di-Pertua, meminta Majlis mengeluarkan fatwa di atas apa-apa perkara berkenaan Ugama Islam atau nas.*

Selanjutnya pada seksyen 38 (2) dijelaskan tentang jawatankuasa yang bertanggungjawab mengeluarkan fatwa;

*Yang di-Pertua hendaklah merujuk permintaan itu kepada Pengerusi Jawatankuasa Syariah dan Pengerusi hendaklah menimbang tiap-tiap permintaan seperti itu dan hendaklah menyediakan rangka fatwa itu melainkan pada fikirannya perkara yang dirujuk itu adalah perkara kecil atau oleh lain-lain sebab yang menasabah tidak patut dijawab. Ia hendaklah mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Syariah untuk menimbang dan memberi keputusan ke atas rangka fatwa yang dibuatnya itu. Jika sesuatu keputusan itu disokong oleh nas, maka Mufti hendaklah dengan serta merta mengeluarkan fatwanya. Jika dalam perkara itu Jawatankuasa Syariah tidak sebulat suara, soal itu hendaklah dirujuk kepada Majlis dan Majlis hendaklah dengan cara yang sama, membuat dan mengedarkan keputusannya yang mana dibuat mengikut pendapat lebihsuara ahli-ahlinya yang hadir.*

*Dengan syarat atas sebab-sebab yang khas apa-apa soal seperti itu bolehlah disembahkan oleh Majlis kepada Kebawah Duli Yang Mulia Sultan untuk mendapatkan penentuan Baginda.*

Enakmen ini juga mempunyai peruntukan khusus bagi menghuraikan peranan dan bidang kuasa setiausaha mesyuarat bagi semua jawatankuasa-jawatankuasa yang terletak di bawah naungan Majlis Ugama. Pada seksyen 24 ada dinyatakan;

- (1) Semua mesyuarat Majlis hendaklah dipanggil oleh Setiausaha.
  - (2) Yang di-Pertua boleh, pada bila-bila masa pun, mengarahkan Setiausaha memanggil mesyuarat.
  - (3) Setiausaha hendaklah memanggil mesyuarat dalam empat belas hari daripada masa menerima arahan di bawah seksyen-kecil (2)
  - (4) Sekurang-kurangnya tujuh hari notis bertulis hendaklah diberi untuk mengadakan sesuatu mesyuarat.
- (1) Setiausaha hendaklah menyimpan minit-minit bagi semua mesyuarat-mesyuarat Majlis dan pada tiap-tiap mesyuarat minit mesyuarat yang dahulunya itu hendaklah dibaca dan disahkan, tertakluk kepada apa-apa pindaan yang dikehendaki.
  - (2) Minit-minit itu hendaklah dimasukkan ke dalam buku minit mesyuarat Majlis dan hendaklah mengandungi rekod yang penuh secara sepatah demi sepatah bagi tiap-tiap ketetapan Majlis
  - (3) Dengan seberapa segera yang boleh selepas tiap-tiap mesyuarat majlis satu salinan deraf minit hendaklah disembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan. Jika pada ketika mengesahkannya deraf minit itu dipinda, maka dengan serta merta pindaan-pindaan itu hendaklah disembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan.

Pada hari ini, setelah Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Islam 1982 dipinda kepada Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991, dari sudut carta organisasi JPHSNP masih kekal di bawah bidangkuasa MUIP dan JPHSNP merupakan salah satu daripada jawatankuasa-jawatankuasa yang MUIP adalah payungnya. Segala kemudahan dan keistimewaan ahli-ahli Majlis Perundangan Hukum Syarak Negeri semuanya tertanggung di dalam vot MUIP. Dari pembayaran elaun mesyuarat, kelayakan perubatan, surat pelantikan sebagai ahli, elaun perbatuan (*millege*) dan kemudahan-kemudahan lain adalah disediakan oleh MUIP.

Situasi dan keadaan ini dari suatu segi menyulitkan perjalanan mesyuarat Perundangan Hukum Syarak Negeri Pahang (JPHSNP) kerana pengerusi mesyuarat adalah Mufti Negeri yang dalam masa yang sama adalah ketua Jabatan Mufti Negeri Pahang. Sedangkan oleh kerana jawatankuasa ini salah satu daripada jawatankuasa-jawatankuasa di bawah seliaan MUIP, ia telah menetapkan bahawa setiausaha MUIP adalah setiausaha bagi Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Negeri Pahang (JPHSNP). Ini memberi kesan kepada kepatuhan setiausaha kepada pengerusi kerana setiausaha lebih patuh kepada Timbalan Yang Dipertua Majlis Ugama Islam sebagai ketua perkhidmatannya bukan kepada Mufti Negeri. Justeru berlaku kadangkala kelambatan dari sudut mengeluarkan minit mesyuarat, surat panggilan mesyuarat, penetapan tarikh mesyuarat dan sebagainya. Dalam ertikata yang lain arahan mufti didengari tapi tidak segera di dalam tindakannya kerana masalah beban tugas setiausaha MUIP yang banyak (menguruskan 12 jawatankuasa lagi di bawah Majlis Ugama) yang kemudiannya disusun mengikut prioritinya sendiri di samping faktor berbeza institusi dan pandangan seolah-olah mufti itu adalah tertakluk kepada arahan MUIP (bukan sebaliknya) kerana JPHSNP yang dipengerusikan oleh Mufti Negeri itu adalah jawatankuasa di bawah bidangkuasa MUIP.

JPHSNP yang ada pada hari ini, bermula gerak kerjanya apabila Mufti Negeri bercadang untuk mengeluarkan sesuatu hukum/fatwa. Di dalam hal ini Enakmen Pentadbiran

Undang-Undang Islam 1991 seksyen 36(1) yang meminda Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 menyatakan:

*“Mufti boleh atas daya usahanya sendiri atau atas permintaan daripada mana-mana orang yang dibuat melalui surat yang dialamatkan kepada Mufti, atau atas perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat dan, tertakluk kepada subseksyen 2, menyiarkan dalam warta fatwa atau pendapat atas sesuatu persoalan yang belum diputuskan atau persoalan yang menimbulkan pertikaian mengenai atau yang berkait dengan Hukum Syarak”*

Kemudian seksyen 38(1)

*“Mufti boleh atas daya usahanya sendiri atau atas permintaan daripada mana-mana orang yang dibuat melalui surat yang dialamatkan kepada Mufti, atau atas perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, meminda, mengubahsuai atau membatalkan mana-mana fatwa yang dikeluarkan olehnya oleh mana-mana mufti terdahulu daripadanya.*

*(2). Sesuatu pindaan ubahsuaian atau pembatalan ke atas sesuatu fatwa hendaklah dianggap menjadi fatwa dan peruntukan-peruntukan subseksyen (2) (3) dan kurungan (4) seksyen 36 dan subseksyen (2) seksyen 37 hendaklah terpakai.*

*(3). Pindaan, ubahsuai atau pembatalan sesuatu fatwa hendaklah menyebut bahawa ia dibuat menurut peruntukan subseksyen (1).*

Selanjutnya di dalam pindaan enakmen 1991 ini nama Jawatankuasa Syariah telah dikenali dengan nama Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak. Pada seksyen 39(1) dinyatakan sebagaimana berikut;

*Maka hendaklah ada suatu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak.*

*(2). Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada*

*(a) Mufti sebagai Pengerusi*

*(b) 2 orang ahli Majlis yang dilantik oleh Majlis*

*(c) Seorang pegawai yang daripada Jabatan Agama Islam Pahang yang mahir dalam hukum Syarak yang akan dilantik oleh Majlis dan*

*(d) Sekurang-kurangnya 2 orang, tetapi tidak lebih daripada 6 orang yang akan dilantik oleh Majlis terdiri daripada orang-orang yang mahir dalam hukum syarak*

*(3) Orang yang sebaik sahaja sebelum berkuatkuasa seksyen ini telah dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Syariah yang ditubuhkan di bawah seksyen 37 Enakmen 1982, hendaklah disifatkan sebagai telah terpilih atau dilantik menjadi ahli Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak dan hendaklah terus menjadi ahli sehingga tamat tempoh perlantikannya.*

*(4) Pengerusi dan dua orang ahli Jawatankuasa yang lain, seorang daripadanya hendaklah bukan ahli Majlis, hendaklah menjadi kuorum,*

*(5) Apabila Mufti bercadang hendak membuat fatwa di bawah seksyen 36, dia hendaklah memanggil suatu mesyuarat Jawatankuasa bagi maksud membincangkan persoalan yang hendak diberi fatwa itu.*

*(6) Jawatankuasa hendaklah menimbangankan cadangan tersebut dan hendaklah, melainkan pada pandangan Jawatankuasa persoalan yang dirujukkan itu remeh atau atas sebab-sebab lain tidak sepatutnya diputuskan, menyediakan satu draf fatwa mengenainya dan jika draf fatwa itu diluluskan dengan sebulat suara oleh Jawatankuasa, Mufti boleh membuat fatwa menurut seksyen 36.*

### **C. PROSES PENGELUARAN FATWA OLEH JPNSNP**

Semenjak ditubuhkan Jawatankuasa fatwa di Negeri Pahang telah banyak fatwa dan hukum telah diputuskan. Walaupun jawatankuasa ini mengeluarkan hukum dan fatwa serta dianggotai oleh alim ulama yang diakui dan merupakan tokoh-tokoh yang hebat di dalam Negeri Pahang namun para ahli mempunyai standard atau proses tertentu yang mesti diikuti apabila mengeluarkan sesuatu hukum atau fatwa. Justeru apabila diteliti ternyata proses atau standard yang diikuti adalah sebagaimana berikut;

I. Mufti Negeri menerima titah daripada Sultan atau menerima pertanyaan dari masyarakat Islam di Negeri Pahang atau Mufti Negeri sendiri bercadang untuk mengeluarkan fatwa untuk kemaslahatan masyarakat Islam di Negeri Pahang.

II. Mufti Negeri (jika berkenaan) mengarahkan suatu perbincangan dibuat berhubung sesuatu fatwa yang ingin diputuskan. Pada kebiasaannya Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Negeri Pahang akan diminta menyediakan kertas kerja asas fatwa. Walau bagaimana pun amalan pada hari ini (jika berkenaan) pihak yang meminta hukum atau fatwa itu diminta hadir ke dalam mesyuarat JPNSNP bagi menjelas dan menerangkan permasalahan mereka dan seterusnya ditentukan hukum di dalam isu yang dihadapi. Sebagai contoh permohonan mendirikan solat Jumaat yang bilangan kurang daripada 40 orang JPNSNP meminta Tuan Qadhi Daerah untuk hadir membenteng dan menerangkan permasalahan kemudian para ahli jawatankuasa akan membincangkannya dan seterusnya memutuskan hukumnya bagi kampung tersebut.

III. Terdapat dua bentuk kertas kerja fatwa di Negeri Pahang. Pertama kertas kerja fatwa yang dibuat oleh pegawai fatwa yang bersifat kenegerian seperti hukum kebenaran menunaikan solat Jumaat walau pun bilangan jamaah tidak mencapai 40 orang di daerah-daerah tertentu di Negeri Pahang, hukum tanah wakaf milik individu, menggunakan tanah rampasan kerajaan Pahang sebagai hasil untuk membayar gaji pegawai dan sebagainya. Kedua, kertas kerja fatwa daripada Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (JFK) yang dinamakan kertas kerja endorsemen iaitu membincangkan kertas kerja fatwa peringkat kebangsaan bagi mengesahkannya sebagai fatwa di Negeri Pahang.

IV. Setelah ditentukan tarikhnya oleh Sahibus Samahah atau Timbalan Yang Dipertua MUIP, surat dihantar kepada setiap ahli mesyuarat yang ditandatangani oleh setiausaha mesyuarat (Setiausaha MUIP).

V. Mesyuarat dijalankan. (Perbincangan berdasarkan kertas kerja kemudian dibahaskan). Kemudian keputusan dicapai dengan diumumkan oleh Pengerusi mesyuarat dan dicatat oleh Setiausaha MUIP.

VI. Fatwa dikeluarkan. Dan, bagi kertas fatwa endorsmen adakalanya hukum diputuskan oleh JPHSNP berbeza atau berlaku penambahan atau menerima dengan ubahsuai sighth terhadap fatwa yang telah diputuskan.

Bagi JPHSNP, hanya kertas kerja asas fatwa (biasanya disediakan oleh Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Pahang) diperlukan bagi membincang dan menetapkan sesuatu hukum. Dalam ertikata yang lain tiada sebarang panel pakar yang membuat kajian rintis dilakukan sewaktu memutuskan sesuatu fatwa kerana MUIP menganggap bahawa ahli-ahli JPHSNP itu sendiri adalah pakar yang mempunyai karisma, akauntabiliti dan kompeten yang tinggi di dalam hal ehwal agama di Negeri Pahang.

Ahli-ahli jawatankusa inilah yang telah memuktamadkan Sesuatu fatwa atau hukum di Negeri Pahang. Pada masa sekarang terdapat seramai 10 orang ahli Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Negeri Pahang yang diakui kepakaran mereka di dalam negeri dan negara ini. Mereka adalah terdiri daripada Mufti Negeri sebagai Pengerusi, Tan Sri Dato Dr. Prof. Emeritus Abdul Shukur bin Haji Husin merangkap Pengerusi JFK tetapi hanya sebagai ahli di peringkat Negeri Pahang, Prof. Dato Dr. Abdul Monir bin Yaacob merangkap Timbalan Rektor di Universiti Islam Malaysia (UIM), Dato Sri Prof. Dr. Zaleha binti Kamaruddin merangkap Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dato Haji Mokhtar bin Syafie mantan Dekan Kuliyyah Ilmu Wahyu di UIAM, Dato Abdul Mutalib bin Haji Mohd Ali al Fakwie tokoh ulama Pahang juga sebagai mantan Qadhi Besar Negeri Pahang, Dato Kamaruddin bin Zakaria bekas Imam Besar Masjid Negara, Dato Salahuddin bin Omar mantan Pengetua Maahad Tahfiz Negara Brunei Darus Salam dan ditambah oleh Setiausaha MUIP serta 2 orang tokoh pentadbiran agama di Pahang iaitu Dato Timbalan yang dipertua MUIP dan Pengarah Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP).

Penelitian terhadap fatwa-fatwa yang telah diputuskan oleh JPHSNP di antara tahun-tahun 2013 hingga 2016 terdapat 33 fatwa atau keputusan hukum telah dibincangkan dan dikeluarkan oleh JPHSNP. Daripada jumlah 33 fatwa yang diputus itu sebanyak 16 fatwa telah diangkat kepada pejabat penasihat undang-undang negeri bagi tujuan perwartaan. Pada tahun 2013 sebanyak 11 fatwa telah diwartakan, manakala pada tahun 2014 sebanyak 3 fatwa telah diwartakan dan pada tahun 2016 sebanyak 2 fatwa telah diwartakan. Berikut dipaparkan senarai fatwa-fatwa yang telah diwartakan oleh Kerajaan Negeri Pahang mengikut turutan tahun ianya diwartakan.

1. Larangan menggunakan perkataan (kalimah) Allah atau lain-lain perkataan dalam agama Islam oleh orang bukan Islam
2. Hukum menggunakan kaedah ibu tumpang untuk mendapatkan zuriat (*surrogate mother*)
- 3 Penggunaan tulang haiwan dalam industri pembuatan
4. Hukum menternak dan menjual lintah dan cacing untuk tujuan perubatan dan kosmetik
5. Larangan penggantungan kaligrafi Islam di premis bukan Islam
6. Kedudukan ajaran Hizb al Tahrir
7. Kedudukan kumpulan Pemuda Kahfi atau Ajaran Bina Negara Islam (Ma'had Zaitun)



8. Hukum pelaksanaan Takaful

9. Hukum bertatu

10. Status agama anak bawah umur 18 tahun selepas salah seorang pasangan memeluk agama Islam

11. Hukum berpegang pada ajaran Syiah.

Fatwa-fatwa di atas telah diwartakan pada 19 Ogos 2013.

Manakala pada 18 november 2014, Kerajaan Negeri Pahang telah mewartakan pula sebanyak 3 fatwa yang bersangkutan dengan pegangan akidah umat Islam sebagaimana berikut;

1. Hukum berpegang kepada ajaran Harun bin Mat Saat

2. Penggunaan “Buku teks maha graduan” terbitan Pusat Latihan Tuhan Masa Hadapan (PLTMH)

3. Hukum menghisap Shisa menurut pandangan Syarak

Pada 1 Julai 2016 pula Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang di atas permintaan Mufti Negeri telah mewartakan 2 lagi fatwa bagi tujuanimbangan kepada umat Islam juga berkaitan dengan akidah sebagaimana berikut;

1. Hukum berpegang pada ajaran Millah Abraham

2. Fatwa menangani amalan-amalan khilafiyah yang didakwa sebagai bid’ah dholalah (sesat)

Fatwa menangani amalan-amalan khilafiyah yang didakwa sebagai bid’ah dholalah (sesat) adalah fatwa yang telah dibincangkan pada tahun 2015 lagi, namun keputusan untuk mewartakannya sebagai undang-undang di Negeri Pahang telah diputuskan pada tahun berikutnya (2016) kerana beberapa masalah teknikal yang dihadapi oleh ahli-ahli Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang (JPHSNP) yang tidak bersepatat di dalam soal penderafan sighth fatwa yang ingin dimuktamadkan kepada orang ramai di Negeri Pahang. Keadaan tersebut menyebabkan pada tahun 2015 tiada fatwa yang diwartakan di Negeri Pahang.

Adapun pewartaan fatwa-fatwa sebelum tahun-tahun yang disebutkan ada yang dilaksanakan dan ada yang tidak dilaksanakan. Keadaan tersebut terjadi kerana kefahaman sebahagian ahli JPHSNP terhadap seksyen 36 (3) Enakmen Pentadbiran undang-Undang Islam 1991 yang menyatakan;

*“sebaik sahaja dibuat oleh mufti, sesuatu fatwa hendaklah mengikat setiap orang Islam yang tinggal di Negeri Pahang sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajipannya mengikuti dan berpegang kepada fatwa itu,”*

Secara lahiriahnya difahami bahawa fatwa-fatwa tanpa pewartaan pun boleh dikuatkuasakan undang-undangnya kepada sesiapa yang menyalahi fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti. Namun perkembangan mutakhir dan nasihat daripada Pegawai Penasihat Undang-Undang Negeri

terkini mencadangkan agar diwartakan keputusan fatwa yang benar-benar perlu dan yang dijangka akan dicabar oleh pihak-pihak tertentu di Negeri Pahang kerana telah mengganggu amalan dan kepentingan mereka.

#### **D. PROSES PEWARTAAN FATWA DI NEGERI PAHANG**

Setelah keputusan hukum atau fatwa dimuktamadkan di dalam mesyuarat JPHSNP keputusan-keputusan tersebut diangkat pula kepada mesyuarat penuh MUIP. (*fullboard meeting*). Mesyuarat penuh MUIP (*fullboard meeting*) adalah dipengerusikan oleh KDYTM Tengku Mahkota Pahang selaku Yang Dipertua MUIP. Di dalam mesyuarat ini Mufti Negeri akan membentangkan keputusan-keputusan fatwa yang telah dimuktamadkan sewaktu mesyuarat JPHSNP dan mencadangkan kepada Tuanku pengerusi untuk mewartakan fatwa-fatwa tersebut. Tuanku pengerusi kemudiannya akan meminta pandangan ahli-ahli mesyuarat dan selanjutnya memutuskan fatwa mana yang perlu di wartakan di Negeri Pahang dan keputusan itu dicatat dan diminitkan oleh SU MUIP.

Kemudian di dalam tempoh dua minggu mengikut amalan, minit mesyuarat penuh MUIP akan dikeluarkan bagi tindakan pegawai di Jabatan Mufti Pahang bagi meneliti deraf sighth fatwa tersebut masih sama dengan yang diputuskan sewaktu bermesyuarat dahulu atau berlaku perubahan yang mungkin lari dari maksud asal fatwa. Setelah diteliti dan dipastikan sama dengan yang asalnya Sahibus Samahah akan membuat surat rasmi memohon perwartaan fatwa bagi tindakan Pegawai Undang-Undang MUIP untuk mengangkat permohonan perwartaan tersebut kepada Pegawai Penasihat Undang-Undang Negeri yang beralamat di Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Setelah dimurni atau dirangka dan disiapkan sighth pewartaannya fatwa-fatwa tersebut dikembalikan kepada Jabatan Mufti Pahang untuk diteliti ejaan dan isi kandungannya. Ini kerana perwartaan fatwa di Negeri Pahang diwajibkan di dalam bahasa kebangsaan dan mesti berbentuk tulisan rumi dan jawi sebagaimana yang telah ditetapkan oleh seksyen 37 (2) Undang-Undang Pentadbiran Islam 1991 yang menyatakan;

*“sesuatu fatwa jika disiarkan dalam Warta hendaklah dalam Bahasa Kebangsaan dalam tulisan rumi dan jawi”*

Setelah selesai disemak oleh pegawai-pegawai Jabatan Mufti Pahang dan ditandatangani oleh Sahibus Samahah Mufti Negeri draf perwartaan tersebut dikembalikan kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri. Selanjutnya, apabila telah disahkan pula oleh Pegawai Penasihat Undang-Undang Negeri maka fatwa tersebut telah diwartakan oleh Kerajaan Negeri Pahang dan dihantar ke syarikat percetakan untuk disimpan dan diedarkan kepada orang ramai.

Daripada penjelasan yang telah diberikan iaitu bermula dengan penubuhannya, proses mesyuarat yang dilaksanakan dan perwartaan yang dilakukan, JPHSNP sentiasa dipandu dan dilindungi oleh enakmen yang berkuatkuasa di Negeri Pahang yang menjadikan jawatankuasa ini sebagai satu-satunya pengeluar fatwa yang mutlak.

#### **E. KESIMPULAN**

Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang (JPHSNP) merupakan satu-satunya jawatankuasa yang diberi tugas sebagai pengeluar hukum atau fatwa di Negeri Pahang. Di dalam menggalas tugas yang diamanahkan, jawatankuasa ini telah banyak menyelesaikan

permasalahan hukum yang mencakupi keperluan umat Islam baik dari sudut ibadah, akidah mahupun akhlak. Dengan penjelasan hukum-hukum melalui fatwa-fatwa yang telah diputuskan dan diwartakan oleh kerajaan Negeri Pahang banyak urusan-urusan agama yang bersifat khilafiyah di kalangan umat Islam telah dapat diperjelas dan dimuktamadkan pengamalannya. Nyata sekali Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang yang diterajui oleh alim ulama gabungan cendekiawan agama dan professional telah menjalankan peranan dan tanggungjawabnya demi kemaslahatan Umat Islam di Negeri Pahang.

## Rujukan dan bahan bacaan penulis

- <sup>1</sup> al-Mallah, Syekh Hussayn Muhammad, (2009). *Al-Fatwa Nasyatuha wa Tathawuruha Usuluha wa Tatbiqaha*. Al Maktabah al-Asriah, Bayrut.
- <sup>2</sup> Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad bin Mukram, (1968). *Lisan al-Arab*. Jilid 15. Dar Sodik, Bayrut.
- <sup>3</sup> al-Fayyum, Ahmad bin Muhammad bin Ali, (2008). *Al Misbah al-Munir*. Muassasah al-Mukhtar, al Qahirah.
- <sup>4</sup> Majma<sup>c</sup> al-Lughah al-<sup>c</sup>Arabiyyah, (2004). *al-Mu<sup>c</sup>jam al-Wasit*. Cetakan 4. Maktabah al-Shuruk al-Dawliyyah, al-Qahirah.
- <sup>5</sup> al-<sup>c</sup>Ayad, Ahmad et.al, (tanpa tahun). *al-Mu<sup>c</sup>jam al-<sup>c</sup>Arabi al-Asasi*. t.tpt. Laros.
- <sup>6</sup> al-Kindiy, Abd al-Razzaq Abdullah Soleh Bin Ghali, (2008). *al-Taysir fi al-Fatwa, Asbabuhu wa Dhawabituh*. Muassasah al-Risalah Nashirun, Bayrut.
- <sup>7</sup> Ibn Manzur, Jamal al Din Muhammad bin Mukram, (1968), *Lisan al Arab*. Jilid 15. Dar Sodik, Bayrut.
- <sup>8</sup> al-Ashqar, Muhammad bin Sulayman, (1993). *al-Futya wa Manahij al Ifta'*. Dar Annafais, Amman.
- <sup>9</sup> Noresah Baharum et.al., (1994). *Kamus Dewan*. Edisi 3, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- <sup>10</sup> al-Marbawi, Mohd Idris Bin Abdul Rauf, (1990). *Kamus Idris al-Marbawi*. Darul Fikir, Kuala Lumpur.
- <sup>11</sup> Zaydan, Abdul Karim, (2001). *Usul al-Da<sup>c</sup>wah*. Muassasah al-Risalah, Bayrut.
- <sup>12</sup> al-Jurjaniy, <sup>c</sup>Ali Bin Muhammad Bin <sup>c</sup>Ali al-Sayyid al-Zain Abi al-Hasan al-Husaini al-Jurjani al- hanafi, (tanpa tahun). *al-Ta<sup>c</sup>rifaat*. Maktabah Mustafa Bab al-Halabiy wa Auladuh, al- Qahirah.
- <sup>14</sup> al-Mahalliy, Syams al-Din Muhammad, (1982). *Hasyiah al-Bannani <sup>c</sup>ala Matn Jam<sup>c</sup>u al-Jawami<sup>c</sup>*. Dar al-Fikr, Bayrut.
- <sup>15</sup> Ibn Hamdan, Ahmad Bin Hamdan al-Harraniy al-Hanbaliy, (1397H). *Sifat al-Fatwa wa al-Mufti wa al-Mustaft*. Cetakan 3. al-Maktab al-Islamiyy, Bayrut.
- <sup>16</sup> al-Qarafiyy, Syihab al-Din Abi al-Abbas Ahmad bin Idris al-Shanhaji, (2001). *Kitabal-Furuq*. Jilid 4. Dar al-Salam, al-Qahirah.
- <sup>17</sup> al-Qaradawiy, Yusof, (1995). *Al-Fatwa Bayn al-Indhibit wa al-Tasayyub*. Cetakan 2. al-Maktab al-Islamiy, Bayrut.
- <sup>18</sup> Jad al-Haq <sup>c</sup>Ali Jad al-Haq, (1980). *al-Fatawa al-Islamiyyah*. Jilid 1. Majlis al-A<sup>c</sup>la li al-Shu'un al-Islamiyyah. al-Qahirah.
- <sup>20</sup> *Al-Mawsuah al-Fiqhiyyah*, (1995). Wizarah al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah, Kuwait.
- <sup>21</sup> Saiyad Nizamuddin Ahmad, (2006). *Fatwas of Condemnation: Islam and the Limits of Dissent*. ISTAC, Kuala Lumpur.

- <sup>22</sup> Othman Ishak, (1981), *Fatwa dalam Perundangan Islam*. Fajar Bakti, Kuala Lumpur.
- <sup>23</sup> al-Shahrazuriy, Abu Amr Usman bin Solih, (1992). *Adab al-Fatwa wa Shurut al-Mufti wa Sifat al-Mustafti wa Ahkamuhu wa Kayfiyat al-Fatwa wa al-Istifta'*. al-Qahirah dan al-Qarafi, Syihab al-Din Ahmad bin Idris, (1995). *Al-Ihkam fi Tamyiz al-Fatawa an al-ahkam wa Tassarufat al-Qadi wa al-Imam*. Dar al-Basyair al-Islamiyyah. Bayrut.
- <sup>24</sup> Hasnan Kasan, (2008). *Institusi Fatwa Di Malaysia*. UKM. Bangi.
- <sup>25</sup> Muhammad Firdaus, (1995). *Athar al-Zuruf al-Ijtima'iyyati Ala al-Fatawa al-Syarriyyati: Dirasat Li Fatawa Hai ah al-Fatawa Fi Majlis al-Watani Li Shu un al-Islamiyyati Bi Maliziya*. Tesis Sarjana UIAM. Gombak.
- <sup>26</sup> Zaini Nasohah, (2005). *Undang-Undang Penguatkuasaan Fatwa Di Malaysia. Dalam Ibrahim Abu Bakar et. al. Jurnal Islamiyyat*. Bil. 1., UKM., Bangi.
- <sup>27</sup> Mahamad Naser Disa, (2011). *Ke Arah Penyelarasan Dan Penyatuan Pandangan Dalam Pengeluaran Hukum Di Malaysia*. Dalam Wan Morsita Wan Sudin, et. al. *Monograf al-Ifta'*. (2011). Siri 2. JAKIM., Putrajaya.
- <sup>28</sup> Wan Morsita Wan Sudin et. al., (2011). *Monograf al-Ifta'*. Siri 1.
- <sup>29</sup> Lokmanul Hakim Hussain, (2013). *Penyelarasan Fatwa Di Malaysia: Kewajaran dan Kekangan*. Dalam; Monograf INFAD., (2013). Siri 2. USIM., Nilai. Negeri Sembilan.
- <sup>30</sup> Zulfaqar Mamat, Mohd Nasran Mohamad dan Zydulkifli Hashim Omar, (2013). *Pengurusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Dan Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri: Satu Analisis Persamaan Dan Perbezaan Fatwa Tahun 2000-2009*. IJMS 06/2013. 20(2). Lihat; [www.Research Gate](http://www.researchgate.net).
- <sup>31</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, (2014). *Fail Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke 106*. Bersidang pada 21-22 Oktober 2014.
- <sup>32</sup> Jabatan Mufti Negeri Pahang, (2014). *Fail (4/2014) Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Negeri Pahang* 14 November 2014.
- <sup>33</sup> <http://www.islam.gov.my/portal/fungsi.php>, (1 Mei 2010).
- <sup>34</sup> Jabatan Perdana Menteri, (1971). *Buku Tahunan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia*. Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur.
- <sup>35</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, (1981). *Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, Perkara 1*. Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur.
- <sup>36</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, (1981). *Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Perkara 11(a).
- <sup>37</sup> Mohd. Mohadis Yasin, (2007). *Penyelarasan Fatwa Di Malaysia*. UKM., Bangi.
- <sup>38</sup> Mustafa bin Abdul Rahman, (2006). *Manhaj Fatwa Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan*. Kertas Kerja Seminar Manhaj Pengeluaran Fatwa Peringkat Kebangsaan, 5-6 Disember 2006. Kerjasama Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Hotel Nikko, Kuala Lumpur.
- <sup>39</sup> Ahmad Hidayat Buang et.al., (2000). *Laporan Projek Penganalisan Fatwa-Fatwa Semasa Di Malaysia* (IRPA No. 07-02-03-0403). Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- <sup>40</sup> Kertas Makluman JAKIM, (2010). *Penubuhan Dan Fungsi Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI)*.

<sup>41</sup> Undang-Undang Negeri Pahang, (2013) *Enakmen 11. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2013. Seksyen 15.*

<sup>42</sup> [www.muip.gov](http://www.muip.gov). sejarah muip

<sup>43</sup> Buku Minit Mesyuarat Majlis Ugama Islam Pahang (Bil. 1-24).

<sup>44</sup> [www.e-fatwa.gov.my](http://www.e-fatwa.gov.my).

<sup>45</sup> Johari.Hokage, (2009). *Isu-Isu Dalam Penyelarasan Dan penyeragaman Fatwa*. Blogspot. Com. 2009/5.

<sup>46</sup> Abdul Monir Yaacob dan Wan Roslili Abd. Majid, (1998). *Mufti Dan Fatwa Di Negara-Negara Asean*.

<sup>47</sup> Lokmanul Hakim bin Hussain, (2013) *Monograf INFAD*. .

<sup>48</sup> Arik Sanusi Yeop Johari, (2010). *Penyelarasan Fatwa Di Malaysia: Kekangan Dari Aspek Perundangan*. Dalam Monograf al-Ifta'. Siri 1. JAKIM., Putrajaya.

<sup>49</sup> Garis Panduan Pemakaian Keputusan/Pandangan Hukum Yang Dibuat Oleh Jawatankuasa Fatwa MKI Sebagai Fatwa Negeri. Bahagian Pengurusan Fatwa. JAKIM

<sup>50</sup> Pegawai Fatwa yang dirujuk Negeri Sembilan: Timbalan Mufti iaitu Tuan Haji Azamir bin Alias. Sarawak: Ketua Penolong Mufti Tuan Haji Mual bin Saudi. Selangor: Ketua Penolong Mufti, Tuan Haji Mohd. Jais bin Kamus. Manakala Perak, pegawai yang dirujuk ialah Ketua Penolong Mufti, Tuan Haji Kamruddin bin Adam dan Johor, Tuan Haji Suhaimi bin Rebu, Ketua Penolong Mufti Johor. 17 Februari 2016 (secara talian telefon hari Khamis pukul 3.00 petang)

<sup>51</sup> Pegawai Fatwa yang dirujuk Negeri Sembilan: Timbalan Mufti iaitu Tuan Haji Azamir bin Alias. Sarawak: Ketua Penolong Mufti Tuan Haji Mual bin Saudi. Selangor: Ketua Penolong Mufti, Tuan Haji Mohd. Jais bin Kamus. Manakala Perak, pegawai yang dirujuk ialah Ketua Penolong Mufti, Tuan Haji Kamruddin bin Adam dan Johor, Tuan Haji Suhaimi bin Rebu, Ketua Penolong Mufti Johor. 17 Februari 2016. (secara talian telefon hari Khamis pukul 3.00 petang)

<sup>52</sup> Minit Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Negeri Pahang. Bil. 4/2015.

<sup>53</sup> [www.e-fatwa.gov.my](http://www.e-fatwa.gov.my). fatwa kebangsaan.

<sup>54</sup> Minit Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Negeri Pahang. 11/2015

<sup>55</sup> [www.e-fatwa.gov.my](http://www.e-fatwa.gov.my).

<sup>56</sup> Minit Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Negeri Pahang. 6/2014.

<sup>57</sup> Minit Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Negeri Pahang. 1/2012.